

## **KATA GANDA SEPARA BERIMBUHAN AKHIRAN DAN KATA GANDA SEPARA BERIMBUHAN APITAN**

**Isi tempat kosong dengan kata bantu yang betul. (Seret jawapan yang betul)**

menagih-agihkan      melambai-lambaikan      mensia-siakan      bermati-matian  
berpasang-pasangan      bercakar-cakaran      menggesel-geselkan      alu-aluan  
ikut-ikutan      kemerah-merahan      besar-besaran      keanak-anakan      membeza-bezakan

1. Kakak \_\_\_\_\_ tangannya sebelum dia menaiki pesawat itu.
2. Azwan tidak \_\_\_\_\_ biasiswa yang diberi oleh kerajaan semasa menuntut di luar negara.
3. Kita harus menghargai jasa para pejuang kemerdekaan yang \_\_\_\_\_ menentang penjajah.
4. Puan Ziana tidak pernah \_\_\_\_\_ anak-anaknya sama ada mereka berjawatan tinggi atau tidak.
5. Murid-murid itu \_\_\_\_\_ semasa menari tarian tradisional di dewan sekolah
6. Si Comot akan \_\_\_\_\_ badannya pada kaki saya apabila lapar.
7. Gaya penampilan penyanyi terkenal itu sering menjadi \_\_\_\_\_ para peminatnya.
8. Majlis perkahwinan anak perempuan sulung Datuk Farid dan Datin Zara diadakan secara \_\_\_\_\_.
9. Guru besar menyampaikan kata \_\_\_\_\_ sebelum merasmikan majlis itu.
10. Lina menghalau dua ekor kucing yang \_\_\_\_\_ di ruang tamu rumahnya.
11. Muka Rosmah \_\_\_\_\_ bagai udang dibakar kerana kepanasan.
12. Wajah Damia kelihatan \_\_\_\_\_ walaupun usianya sudah 25 tahun.
13. Pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat \_\_\_\_\_ bantuan makanan dan pakaian kepada mangsa-mangsa banjir itu.